

## *Untuk Siaran Segera*

### **Solusi Sistem & Komunikasi Generasi Baru, memperkasakan masa hadapan, hari ini**

**Kuala Lumpur, 12 September 2013** – Panasonic dengan bangganya mengumumkan pelancaran rasmi rangkaian baru Solusi Generasi Baru yang boleh ditempah dan boleh skala bagi menepati saiz perniagaan. Rangkaian baru ini dilengkapi peningkatan teknologi diperbaik bagi membantu perniagaan kekal di hadapan dalam persekitaran perniagaan yang kompetitif.

**Kumpulan Inovasi Perniagaan** Panasonic atau **BIG** terdiri daripada kakitangan Panasonic Malaysia berkelayakan tinggi yang dilatih untuk memberikan solusi sehati bagi mana-mana syarikat. Dilancarkan pada tahun lalu, konsep BIG bertujuan menjadikan Panasonic sebagai pembekal solusi perniagaan komprehensif bagi semua orang. Tahun ini, Panasonic akan mempertingkatkan konsep BIG dengan beberapa penambahan baru.

Solusi yang dilancarkan hari ini adalah pelbagai pilihan di bawah kategori-kategori: Solusi Komunikasi, Solusi Dokumen dan Solusi Sekuriti.

#### Solusi Komunikasi

##### 1. IP PBX

Nikmati pelbagai manfaat melalui satu solusi komunikasi perniagaan; Panasonic KX-NS1000 Pelayan Komunikasi Perniagaan. Sistem ini memberikan solusi komunikasi VoIP kuat yang menawarkan fleksibiliti, pemudahan dan produktiviti bagi semua keperluan perniagaan.

- Platform IP bersatu bina dalam yang kuat, Solusi semua-dalam-satu dengan Penghala Bina Dalam dengan VPN, Mel Suara, Pelayan Faks, dan aplikasi Pusat Khidmat Pelanggan untuk operasi harian perniagaan.
- Fleksibiliti dan Boleh Skala Perangkaian IP dengan ciri-ciri IP dan boleh dihubungkan sehingga perangkaian 16-laman dengan maksimum 8000 terminal.
- Peka eko dan beroperasi dengan hanya 895kWh tenaga setahun, sekaligus membantu mengurangkan penggunaan tenaga untuk operasi harian perniagaan sepanjang tahun.

##### 2. HDVC

Jarak tidak lagi menjadi penghalang dengan Sistem Komunikasi Visual HD Panasonic yang memungkinkan komunikasi dan kolaborasi bersama rakan sekerja dan pakar industri tanpa mengira di mana jua mereka berada.

- Kualiti video HD Penuh 1080p masa nyata menawarkan pengalaman visual yang jelas dan nyata untuk mesyuarat harian.

- Persidangan HD Video sehingga 4 laman menghasilkan suasana yang lebih produktif untuk perbincangan penting.
- Mikrofon 360° memberikan komunikasi stereo dua hala berkualiti tinggi yang lancar serta audio yang semula jadi dan jelas walaupun apabila dua atau lebih orang bercakap pada masa yang sama.

### 3. Telefon DECT

Menawarkan pelbagai fungsi dan elemen inovatif, telefon DECT Panasonic pasti akan menyelerahkan komunikasi harian anda.

- Fungsi pengurangan hingar: Hingar daripada persekitaran dikurangkan bagi meningkatkan kualiti penerimaan
- Operasi sandar tenaga: membolehkan panggilan keluar walaupun semasa ketiadaan tenaga
- Kekunci Fungsi Pintar: Akses mudah kepada fungsi-fungsi yang diperlukan

### Solusi Dokumen

#### 1. AIO

AIO Laser – Dengan keupayaan pemprosesan dokumen pelbagai fungsi yang kuat, serta rekabentuk kompak, Panasonic AIO akan membawa perniagaan ke dimensi baru.

- Percetakan Dupleks Pantas : Semua model baru boleh melaksanakan percetakan dupleks kelajuan tinggi sehingga 28ppm (A4).
- Badan Kompak dengan Kapasiti Kertas Besar : Siri ini dilengkapi dengan kaset kapasiti besar yang boleh menampung rim 500 helai kertas.
- Pengendalian Kertas yang Versatil : Berupaya Mengendalikan Saiz Kertas Lebih Kecil bagi memenuhi pelbagai keperluan perniagaan.

### Solusi Sekuriti

#### 1. Peralatan Video Sirkuit Tertutup (CCVE)

Memperkenalkan Kamera Rangkaian 360-darjah terkini yang menawarkan ciri-ciri Super Dynamic dengan pelbagai mod menonton untuk liputan penuh ke atas semua sudut menonton.

- Pandangan 360° menyokong mod pelbagai pandangan (Panorama, Panorama Berganda, PTZ Kuad & PTZ Tunggal) bagi meliputi semua sudut. Maka, satu kamera 360° boleh menggantikan 4 kamera konvensional.
- Resolusi 1080P HD Penuh memberikan imej yang sangat jelas
- Kamera 360° ditawarkan dalam 3 varian – model-model Dalam, Luar dan Tahan Perosak Harta Awam, menjadikannya sesuai untuk sebarang persekitaran.

Bagi membolehkan syarikat-syarikat mengalami kualiti dan prestasi unggul produk Sistem & Komunikasi, Panasonic akan menyertai dua pameran besar di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dari 11 – 13 September 2013.

1. ITX Asia

Satu pameran yang memfokus kepada solusi ICT yang mempromosikan kepentingan solusi perniagaan berteraskan teknologi yang membolehkan IT dalam mengurangkan kos operasi keseluruhan sambil mempertingkatkan produktiviti perniagaan. Penyertaan Panasonic dalam pameran ini akan menetapkan kedudukannya sebagai pembekal solusi komprehensif yang berlandaskan dunia ICT yang unggul dan maju di Malaysia. Satu rangkaian luas Solusi Pejabat akan dipamerkan dan para pelanggan akan berpeluang untuk mengenali solusi-solusi yang versatil, mampu milik dan pintar.

2. IFSEC Asia Tenggara

Acara Sekuriti Industri Berintegrasi nombor satu di rantau ini, IFSEC mempamerkan solusi terkini dalam kategori Sekuriti, Kebakaran dan Keselamatan. Panasonic akan diwakili oleh satu rangkaian mantap Solusi Sekuriti yang memfokus kepada kualiti, kebolehpercayaan dan prestasi tinggi.

Panasonic berbangga kerana dapat membawa peningkatan berterusan kepada semua perniagaan untuk prestasi besar.

### **Latar belakang Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah sebuah syarikat jualan, servis dan pemasaran bagi jenama produk elektrik dan elektronik Panasonic merangkumi audio visual, peralatan rumah, pendingin udara, kamera digital dan video, peralatan siaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan hingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic ditawarkan melalui pengedar berdaftar kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, sila layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk rakan media, muat turun siaran akhbar acara dan produk serta foto di [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Hubungan Media: Tan Tih Tjun  
Pengurus, Komunikasi dan Penjenamaan Korporat  
Jabatan Inovasi Pemasaran  
Panasonic Malaysia Sdn Bhd  
Tel: 03 7809 7753 Faks: 03 7955 0722  
Emel: [tihtjun.tan@my.panasonic.com](mailto:tihtjun.tan@my.panasonic.com)

Hubungan Produk: David Woo Che Fong  
Jurutera Jualan Jabatan Jualan & Pemasaran Sistem Rangkaian  
Panasonic Malaysia Sdn Bhd  
Tel: 03 7809 7763 Faks: 03 7958 4977 Mobil: 012 2554931  
Emel: [david.cfwoo@my.panasonic.com](mailto:david.cfwoo@my.panasonic.com)